



KENYATAAN MEDIA

**YB. DATUK DR. EWON EBIN
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA
MERANGKAP
AHLI PARLIMEN P.179 RANAU
MENGENAI**

64 PERALATAN PENGESAN GEMPA BUMI BEROPERASI DI SELURUH NEGARA PADA PENGHujung 2015

Adalah dimaklumkan bahawa, MetMalaysia, sebagai Agensi Pelaksana di bawah MOSTI yang melaksanakan pemantauan gempa bumi, kini mempunyai **44 peralatan pengesan gempa bumi di seluruh negara yang mana lapan (8) daripadanya terletak di negeri Sabah**.

Sebanyak **20 lagi peralatan pengesan gempa bumi tambahan sedang dipasang oleh MetMalaysia diseluruh negara dengan tujuh (7) daripadanya adalah tambahan untuk negeri Sabah**. Kesemua peralatan baru tersebut dijangka siap beroperasi pada penghujung 2015 ini yang menjadikan **jumlah keseluruhan adalah 64 peralatan**.

Dengan penambahan peralatan tersebut di seluruh negara, MetMalaysia juga sedang membangunkan aplikasi peta gegaran (Shakemap) untuk

meningkatkan lagi keupayaan dan keberkesanan maklumat gempa bumi yang berlaku dalam negara.

Susulan daripada kejadian Gempa bumi 5.9 skala Ritcher pada 5 Jun 2015 di Ranau, Sabah, sehingga jam 2.30 petang hari ini, 7 Jun 2015, 52 gempa bumi susulan telah dikesan dengan kekuatan lemah antara 1.6 hingga 4.5 pada Skala Ritcher.

Makluman bersama, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menubuhkan **War Room bertempat di Pejabat Meteorologi Kota Kinabalu**, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebagai tempat rujukan orang awam untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai status gempa bumi tersebut dan gempa-gempa susulan yang berlaku dengan menghubungi talian **088-413 690 @ 088-413 691**.

Di samping itu orang awam juga boleh mendapatkan maklumat berkaitan dari laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) <http://www.met.gov.my> atau mobile web rasmi <m.met.gov.my> atau facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet> atau twitter <https://twitter.com/malaysiamet> atau MetMalaysia Hotline di talian **1 300 22 1MET (1638)**.

**YB DATUK DR. EWON EBIN
4.00 petang, 7 Jun 2015**